



Bahasa dan Imperialisme



Ketika revolusi industri, berlakunya perubahan sosial dan masyarakat daripada masyarakat tradisi berubah menjadi masyarakat industri. Ketika inilah peningkatan hidup yang lebih sejahtera. Penemuan teknologi seperti mesin tekstil dan pembuatan untuk kilang yang dahulu dikerjakan secara tidak praktis seperti dianyam sendiri mulai diambil alih oleh mesin yang jauh lebih cepat dan berjaya menghasilkan pengeluaran secara besar-besaran. Industriisasi telah meningkatkan ekonomi Eropah, khususnya Inggeris dan memperkaya golongan yang terlibat dengan industri.

Revolusi Perancis pula menggantikan sistem sosial dan politik feudal ke arah yang lebih seragam. Revolusi industri membawa pembentukan kapitalisme dan menghancurkan sistem feudal dan pemerintahan tradisional Eropah. Perubahan struktur masyarakat ini mencipta situasi kemanusiaan dan kemasyarakatan yang baharu. Ekonomi *laissez faire* mencetuskan pasaran bebas dalam kalangan pedagang dan industri untuk memaksimumkan keuntungan perdagangan. Istilah *laissez faire* atau *laissez-nous faire* ini tercetus apabila pada tahun 1681, terdapat mesyuarat antara Menteri Kewangan Perancis, Jean-Baptiste Court, dengan sekumpulan pedagang yang diketuai oleh M. Le Gendre. Ungkapan tersebut timbul apabila menteri yang bertanggungjawab dalam hal perdagangan bertanya cara kerajaan Perancis boleh membantu pedagang dan meluaskan perdagangan, maka Le Gendre menjawabnya ringkas dengan menyebut *laissez-nous faire*. Ungkapan ini bermakna bahawa "biarlah kami buat apa-apa yang

hendak kami buat". Maksudnya, biarlah para pedagang sendiri menentukan hala tuju mereka sesuai dengan kebolehan berniaga mereka. Hal yang selebihnya, akan ditentukan oleh dasar kerajaan imperialis yang walaupun didakwa tidak campur tangan, namun sebenarnya mengawal secara tidak langsung atau dari jauh.

Komersialisme

Perdagangan atau lebih tepat lagi disebut sebagai komersialisme ialah istilah yang paling hampir dengan istilah merkantilisme. Istilah ini merupakan istilah dominan dalam pemikiran ekonomi pada akhir zaman pembaharuan dan abad awal zaman moden. Dalam konteks pemahaman ini dalam teori ekonomi, hal yang sedemikian ini merujuk pemerdagangan yang membawa kekayaan dan pengumpulan keuntungan yang melibatkan dasar kerajaan dalam apa-apa bentuk perlindungan, penaungan dan penguasaan. Dasar komersialisme ini mencetuskan perang dan perluasan kuasa bagi mendapatkan sumber kekayaan ekonomi. Keadaan ini membawa kepada imperialisme Eropah terhadap dunia hinggalah pada awal abad ke-20.

Dasar komersialisasi perdagangan atau merkantilisme yang mempunyai campur tangan kerajaan merupakan perspektif teori dan dipraktikkan dalam kalangan kuasa besar di Eropah pada abad ke-16 hingga 18 bagi mengukuhkan diri sesama mereka dalam kalangan kuasa besar. Hal yang sedemikian ini menjadi sebahagian daripada dasar ekonomi mereka untuk mengumpulkan simpanan kewangan negara, pengimbangan perdagangan dengan negara luar

dan pengukuhan perdagangan. Dasar-dasar ini termasuklah menjajah dunia Timur, menjalankan perdagangan dengan bangsa atau negara lain, memonopolikan pasaran dengan menguasai pelabuhan strategik, subsidi eksport, serta memaksimumkan penggunaan sumber asli tempatan.

Dampak Syarikat Hindia Timur

Bagi mengukuhkan kedudukannya sebagai kuasa besar dunia, England berasa perlu untuk menjadi lebih kaya dan berkuasa. Berlandaskan semangat revolusi industri, para pedagang dan golongan kapitalis mereka membentuk Syarikat Hindia Timur. Syarikat Hindia Timur (*East India Company*), juga dikenali sebagai *British East India Company*. Disebabkan syarikat ini milik Inggeris, secara tidak rasmi mereka membentuk Syarikat Hindia Timur tetapi juga di benua India dan China. Syarikat ini berkembang hingga pada suatu tahap menguasai separuh daripada perdagangan dunia dan berurusan dalam perdagangan tekstil, teh, pewarna baju, garam, baja, candu, dan sebagainya. Syarikat Hindia Timur inilah yang memulakan pemerintahan empayar Inggeris di India.

Syarikat ini dimiliki oleh golongan pedagang dan aristokrat, manakala kerajaan Inggeris mengawalinya secara tidak langsung dengan menentukan hala tuju dasar imperialisme sehingga boleh menubuhkan angkatan tentera persendirian, membentuk kuasa ketenteraan hinggalah menjalankan pemerintahan di India secara rasmi pada tahun 1757, dan penjajahan rasmi. Akta

Macaulay dalam catatan minit mesyuarat menyifatkan penggunaan bahasa Arab dan Sanskrit tidak berguna untuk membangunkan India. Sebaliknya pendidikan harus berasaskan subjek kesusasteraan Inggeris.

Kerajaan India 1858 membawa penjaian rasmi India. Ketika itu, Syarikat Hindia Timur Belanda menguasai hampir keseluruhan kepulauan Nusantara, manakala Inggeris baru bertapak di beberapa tempat di Tanah Melayu.

Dampak Bahasa dan Peranan Macaulay

India merupakan contoh terbaik untuk melihat dampak imperialisme terhadap bahasa tempatan. Hal yang sedemikian ini bermula sejak Inggeris mula bertapak di India. Perang Tujuh Tahun, iaitu perang ketenteraan dunia dari tahun 1756 hingga 1763 merupakan perang perebutan kuasa antara Inggeris dengan Perancis dan Sepanyol, Prusia dengan Austria dan sekutunya. Hasil peperangan ini, England meningkatkan penguasaan terhadap benua India dan seterusnya menguasai perdagangan tradisional, Calcuta, Maratha dan empayar Mogul mudah dikuasai akibat pergolakan dalaman kerajaan tempatan itu sendiri. Kesannya, sistem

sosialbudaya India berubah dan golongan elit mulai menyesuaikan diri dengan pemerintahan kolonial. Pada mulanya, dasar pentadbiran British tidak mahu campur tangan hal ehwal dalaman India. Namun, setelah memerintah India beberapa tahun, mereka mengamalkan dasar campur tangan dalam aspek sosial, dan khususnya pendidikan.

Salah satu cara mengubah pemikiran tradisional masyarakat India adalah dengan memperkenalkan bahasa Inggeris. Hal yang sedemikian ini didedahkan dalam Minit Pendidikan India yang disampaikan oleh Thomas Babington Macaulay. Beliau ialah tokoh penting dalam perdebatan penggunaan bahasa Inggeris sebagai alat pengantar pendidikan di India. Ketika itu, para orientalis berminat dengan penggunaan bahasa India klasik seperti Sanskrit, Parsi dan Arab. Namun, bahasa-bahasa yang sedemikian ini tidak dituturkan oleh kebanyakan penduduk peribumi kerana bumi India sangat luas.

Macaulay merupakan sejarawan dan ahli politik yang memainkan peranan penting untuk memperkenalkan idea Barat dan bahasa Inggeris di India dalam bentuk cadangan penggunaan bahasa Inggeris sebagai alat pengajaran di semua sekolah, latihan pendidikan guru India. Beliau menyokong penggantian bahasa Parsi dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi dan menggunakan jawatannya untuk mengukuhkan dan mempertahankan sistem

pendidikan bahasa Inggeris di India. Ketika itu beliau merupakan setiausaha perang, iaitu pada tahun 1839 hingga 1841.

Macaulay dalam catatan minit mesyuarat menyifatkan penggunaan bahasa Arab dan Sanskrit tidak berguna untuk membangunkan India. Sebaliknya pendidikan harus berasaskan subjek kesusasteraan Inggeris. Sebenarnya Macaulay sendiri mengakui bahawa beliau tidak mempunyai kemahiran dalam bahasa Arab dan Sanskrit.

Pandangan beliau dipengaruhi teori evolusi budaya. Beliau membahagikan masyarakat kepada dua, iaitu yang bertamadun dan yang tidak bertamadun. England mewakili peradaban yang tinggi, manakala berdasarkan Minit Pendidikan India, beliau menyatakan bahawa maklumat dalam bahasa Sanskrit kurang bernilai berbanding maklumat yang terpapar dalam buku-buku sekolah di England. Hal yang sedemikian ini mencerminkan sikap prejudis terhadap bahasa lain selain bahasa ibundanya. Menurut beliau, *"It is, I believe, no exaggeration to say that all the historical information which has been collected from all the books written in the Sanskrit language is less valuable than what may be found in the most paltry abridgement used at preparatory schools in England"* (*Minutes of Education, 2 February 1835*). Sikap melampau merendahkan karya sastra India dan Arab dapat dilihat berdasarkan kata-kata beliau yang berikut, *"a single shelf of a good European library was worth the whole native literature of India and Arabia"*. (*Minutes of Education, 2 February 1835*).

Disebabkan faktor ini, beliau lebih mengidam-idamkan penggunaan bahasa Inggeris dan yakin bahawa dengan langkah tersebut, terbentuk sistem

pendidikan menggunakan bahasa Inggeris yang akan melahirkan "kelas manusia yang berdarah dan beridentiti India, tetapi mempunyai cita rasa Inggeris dalam cara sudut pandangan, nilai moral, dan intelektual". Idea Macaulay ini berasaskan sikap bahawa pendidikan bahasa Inggeris bukan sahaja lebih superior dalam sains tetapi juga dalam nilai-nilai pemikiran dan moral". Macaulay mewakili pemikiran Anglo yang menyokong penggunaan bahasa Inggeris.

Memperlekehkan Bahasa Arab dan Sanskrit

Macaulay mendakwa bahawa percetakan buku Arab dan Sanskrit tidak mempunyai pasaran dan hanya terbiar di perpustakaan dan kamar perpustakaan peribadi. Sebaliknya beliau mengidamkan anak India yang boleh membaca karya Hume dan Milton. Hal yang sedemikian inilah yang dimaksudkan dalam perkara 34 oleh Macaulay bahawa, *"We must at present do our best to form a class who may be interpreters between us and the millions whom we govern, a class of persons Indian in blood and colour, but English in tastes, in opinions, in morals and in intellect"*. (*Minutes of Education, 2 February 1835*).

Minit yang dikemukakan Macaulay ini berjaya dan disokong Lord Bentinck yang berkhidmat sebagai Gabenor Jeneral India sejak tahun 1828 hingga 1835. Gabenor Jeneral Bentinck terkenal dengan dasar perbantuan yang dipengaruhi pemikiran utilitarianisme Barat. Apabila melakukan reformasi terhadap sistem mahkamah, beliau telah menggugurkan bahasa Parsi yang selama ini merupakan



bahasa yang digunakan dalam mahkamah-mahkamah tinggi dan menggantikannya dengan penggunaan bahasa Inggeris. Beliau juga menggalakkan sistem pendidikan Barat bagi menyediakan lebih ramai anak India yang terdidik dalam sistem pendidikan tersebut untuk berkhidmat dalam pentadbiran British di India.

Dana pengajaran awam juga segera diperuntukkan untuk pengembangan medium pengetahuan bahasa Inggeris dalam kesusasteraan Inggeris dan sains sahaja pembentangan minit oleh Macaulay. Seajar dengan situasi ini, bahasa Inggeris diberikan ruang untuk berkembang secara meluas. Bahasa ini juga disasarkan menjadi bahasa pendidikan, bahasa pentadbiran,

dan kemajuan masyarakat India selain menjadi bahasa simbol pemerintahan empayar British.

Macaulay percaya bahawa pendidikan dalam bahasa peribumi perlu menggunakan bahasa Inggeris kerana terdapat banyak dialek peribumi yang dianggap "lemah" dan perlu diperkaya oleh dialek bahasa yang lain. Karya Greek dan Latin perlu diperkenalkan kepada masyarakat India. Kesusasteraan Inggeris, menurut Macaulay, merupakan karya yang lebih bernilai berbanding dengan karya klasik. Hal yang sedemikian ini membawa pengenalan kepada karya Milton seperti *Paradise Lost*, *Pope's Iliad* oleh Homer, *Hamlet*, dan *Macbeth* oleh Shakespeare yang kesemua ini diusahakan dan disusun oleh Macaulay sendiri.

Dalam wacana pascakolonialisme, aspek bahasa dan kaitannya dengan imperialisme sangat penting untuk melihat sejauh manakah imperialisme mempengaruhi dasar bahasa yang dibentuk oleh kolonial.

Dasar bahasa yang diperkenalkan tersebut mampu memberikan nilai ekonomi yang kononnya "unik berdagang dengan manusia beradab yang lebih untung daripada mentadbir mereka tak bertamadun" seperti yang disebut oleh Macaulay. Pendidikan Inggeris telah melahirkan golongan berpendidikan Inggeris yang meluas. Hal yang sedemikian ini menyebabkan akar budaya dan tradisi Arab, Parsi, dan Sanskrit terasah dan mencetuskan kebhaksian identiti tradisi selama ini.

Dipesh Chakrabarty (2000) pernah menyatakan sejarah golongan terpinggir di India dalam perjuangan kemerdekaan kebanyakan dilibat bersifat eurosentrik. Hal ini dikatakan demikian sebab apa-apa juga penilaian dilibat daripada keseragaman Barat, meskipun hal yang sedemikian menyuntuk

masvarakat bukan Barat dan bukan pula berkebudayaan Barat. Sisi perspektif sedemikian berkecenderungan melihat seolah-olah budaya Barat sama seperti budaya lain di dunia ini. Justeru, apa-apa juga pandangan tidak terpisah daripada cara Barat melihat budaya Barat sendiri yang diukur berdasarkan kayu ukur pandangan dunia Barat. Hal ini merupakan kejujangan intelektual sejarah sosial India. Pada masa yang sama, golongan elit India banyak dipengaruhi pemikiran dan cita rasa budaya berorientasikan Barat meskipun kulit dan darah masih lagi India. Justeru, hal yang sedemikian ini merupakan kejayaan Macaulay terhadap pembentukan golongan kelas terpelajar India.

Realiti Modeniti

Ternyata bahasa Inggeris yang menandakan bahasa kolonial diujikan sebagai bahasa pembaratan India. Seterusnya, bahasa berkenaan bertindak sebagai bahasa pemodenan masyarakat India. Namun, sehingga kini negara tersebut masih belum mencapai status negara maju, meskipun menggunakan bahasa Inggeris secara begitu berleluasa dan dijadikan bahasa rasmi. Bahasa tersebut, yang pada mulanya merupakan bahasa untuk mempelajari sastera Inggeris, kini menjadi bahasa teknikal dalam bidang sains dan teknologi.

Bahasa Inggeris bukan sahaja menjadi bahasa golongan elit di India tetapi juga menjadi bahasa yang digunakan dan ditabahi secara meluas oleh golongan masyarakat miskin dan terpinggir daripada pembangunan. Jadi, persoalannya ialah mengapakah negara yang diadkan model

sistem pendidikan yang menekankan penggunaan bahasa Inggeris belum lagi menjadi negara maju sedangkan selalu dimomokkan oleh pemerintah bahawa untuk menjadi negara maju perlu menggunakan bahasa Inggeris? Pada masa yang sama, mengapakah pelabur-pelabur Barat menutup atau memindahkan pelaburan mereka di India, seperti Novartis, sebuah syarikat farmasi besar dunia yang berpangkalan di Switzerland? Begitu juga syarikat farmasi dunia seperti Pfizer yang berpangkalan di New York, Amerika Syarikat yang membuat keputusan menutup operasinya di India. Bukankah sistem pendidikan India mampu mengutamakan bahasa Inggeris hingga melahirkan penutur bahasa Inggeris yang fasih dan mempelajari bidang sains serta teknologi dalam bahasa Inggeris? Begitu juga persoalan seperti mengapakah India tidak berjaya membentuk masyarakat saintifik dalam dunia moden ini? Mengapakah India masih tidak dapat menempah nama sebagai pemenang hadiah nobel kategori sains dan teknologi?

Dalam wacana pascakolonialisme, aspek bahasa dan kaitannya dengan imperialisme sangat penting untuk melihat sejauh manakah imperialisme mempengaruhi dasar bahasa yang dibentuk oleh kolonial. Hal yang penting ditilai ialah sama ada legasi kolonial terus diterima tanpa pemikiran atau diberikan penilaian dan tindakan tanpa menafikan kepentingan bahasa itu sendiri. Malah, bahasa peribumi yang lebih difahami dan luas dituturkan serta mampu memberikan ungkapan yang lebih ekspresif, tidak perlu dipinggirkan dalam era globalisasi ini. Peribumi itu sendiri hal yang sewajarnya mempertahankan bahasa ibunda mereka sendiri. DB